

**DRAF TEKS UCAPAN  
TUAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
SEMPENA  
MAJLIS PERASMIAN LALUAN BERBASIKAL TAMAN BANDAR  
AMPANG JAJAR, PERMATANG PAUH, SPT  
PADA 20 JANUARI 2013 (AHAD)  
JAM 7:40 PAGI**

---

**Yang Berhormat Tuan Law Choo Kiang**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengerusi Jawatankuasa Pertanian &  
Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar, Tebatan Banjir  
( Penasihat Pasukan LP MTB )

**Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali Bin Hj Mohamud**

Setiausaha Perbandaran Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua - ketua Jabatan

Rakan - rakan Media

Tuan - tuan dan puan - puan yang dihormati sekalian

---

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat pagi dan salam  
sejahtera

Alhamdulillah dan syukur kita kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama pada Majlis Perasmian Laluan Berbasikal di Taman Bandar Ampang Jajar pada hari ini. Ucapan terima kasih kepada YB Tuan Law Choo Kiang dan semua yang dapat hadir pada pagi ini.

Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan,

Selaras dengan seruan Kerajaan Negeri untuk membentuk Negeri Pulau Pinang yang lebih bersih, lebih hijau, lebih selamat dan lebih sihat, aktiviti berbasikal merupakan aktiviti yang paling sesuai kerana berbasikal merupakan pengangkutan yang dapat membantu mengurangkan masalah pencemaran dan melindungi alam sekitar. Melalui aktiviti berbasikal, masyarakat juga dapat meningkatkan tahap kesihatan mereka di samping menikmati kehidupan yang lebih selesa dan sihat.

Oleh itu, aktiviti berbasikal semakin giat dijalankan bukan sahaja di sebelah pulau tetapi juga di Seberang Perai kerana aktiviti berbasikal merupakan aktiviti yang mesra alam dan juga aktiviti yang mudah dan murah untuk diselenggara.

Majlis Perbandaran Seberang Perai juga menjalankan pengujian laluan berbasikal untuk kawasan-kawasan Seberang Perai. Pada 18 Mac 2012, pengujian laluan telah diadakan di Seberang Perai Utara dengan jarak sejauh

32km. Pengujian laluan di Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan pula telah diadakan pada 3 Jun 2012 dan 6 Januari 2013 yang lalu dengan jarak 36km dan 20.5km. Tujuan pengujian laluan ini diadakan untuk memastikan laluan-laluan adalah sesuai dan apa yang penting adalah selamat kepada penggemar berbasikal.

Pada tahun 2013 ini, MPSP akan memuktamadkan laluan-laluan berbasikal dan meletakkan papan tanda basikal yang jelas pada laluan berbasikal yang dikenali di Seberang Perai.

Untuk makluman Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sebelum tahun 1988, Tapak Pelupusan di Ampang Jajar yang juga Taman Bandar Ampang Jajar yang kita berada pada pagi ini merupakan tapak pelupusan terbuka dengan lambakan sampah yang tidak teratur. Pada tahun 1988, Majlis Perbandaran Seberang Perai telah menggunakan tempoh 2 tahun untuk menukarkan tapak pelupusan terbuka tersebut kepada Tapak Pelupusan Sanitari. Usaha juga telah diambil untuk mencantikkan tapak pelupusan tersebut dengan mewujudkan sebuah taman rekreasi iaitu Taman Bandar Ampang Jajar bersebelahan dengan tapak pelupusan. Ini telah membawa imej positif kepada masyarakat tentang perubahan tapak pelupusan kepada sebuah taman rekreasi.

Pembangunan di Taman Bandar Ampang Jajar yang seluas 12.48 ekar dimulakan sejak tahun 1994 dimana kerja-kerja yang dijalankan adalah membina pesiaran tepi sungai, plaza, taman permainan, tandas awam, *'boardwalk'*, menara pandang, tapak letak kereta dan landskap yang menarik. Tujuan pembangunan diadakan di Taman Bandar adalah untuk menyedia dan meningkatkan kemudahan rekreasi serta meningkatkan tahap pembangunan fizikal bandar Seberang Perai dari segi landskap dan pengindahan alam persekitaran. Pada tahun 2007, Taman Bandar Ampang Jajar telah dinaiktaraf seperti membina tembok sepanjang tepi sungai, membaiki tandas awam, menaiktaraf plaza dan taman permainan untuk menampung kehendak komuniti.

Pada masa kini, aktiviti berbasikal bukan sahaja dijalankan oleh orang dewasa sahaja tetapi ibu bapa juga membawa anak-anak mereka untuk menjalankan aktiviti berbasikal. Oleh itu, MPSP telah bekerjasama dengan Pasukan LP Mountain Bike untuk mentransformkan Taman Bandar kepada sebuah taman yang bukan sahaja untuk rekreasi tetapi juga sebuah taman yang sesuai bagi berbasikal terutamanya kepada golongan kanak-kanak. Laluan berbasikal sepanjang 770 meter ini adalah sesuai untuk kanak-kanak kerana ia adalah lebih selamat dan tidak berkongsi laluan dengan kenderaan bermotor. Kemudahan-kemudahan seperti menara tinjau, wakaf rehat, tandas,

alat-alat senaman dan alat permainan kanak-kanak akan dinaiktaraf. Susur jalan, siarkaki dan jalan yang rosak telah dibaiki dan akan terus diselenggara oleh MPSP bagi menyediakan satu persekitaran yang selesa kepada pengunjung.

Dengan adanya Taman Bandar Ampang Jajar, penduduk PPR Ampangan dan penduduk sekitar kawasan ini boleh merancang menjalankan aktiviti komuniti seperti acara sukan, senamrobik dan mungkin juga aktiviti senaman Tai Chi di sini. Acara-acara sukan bukan sahaja boleh dijalankan dalam taman ini tetapi juga di sungai yang bersebelah dengan taman ini. Aktiviti memancing, aktiviti sukan air dan mungkin juga Pertandingan *Dragon Boat* juga boleh dijalankan di Seberang Perai, di Sungai Perai. Agensi-agensi kerajaan dan swasta yang ingin mengadakan Hari Keluarga juga boleh dijalankan di taman ini dengan membuat permohonan penggunaan taman tersebut dengan Encik Shaqrony bin Md Yusoff di talian 04-5497636.

Sempena dengan majlis perasmian pada pagi ini, pelbagai aktiviti dijalankan seperti Fun Ride untuk kanak-kanak dan orang dewasa, aktiviti senamrobik, persembahan gaya berbasikal, cabutan bertuah untuk kanak-kanak. Selain itu, MPSP juga mengadakan pameran pendidikan mengenai MPSP. Sekiranya tuan-tuan dan puan-puan mempunyai apa-apa persoalan tentang perkhidmatan MPSP, pegawai-pegawai MPSP sedia membantu untuk menyelesaikan masalah anda. Pameran kitar semula juga diadakan sempena

dengan majlis perasmian pada pagi ini. Tujuan pameran ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan dan pendidikan kepada orang ramai tentang pentingnya aktiviti kitar semula. Dengan adanya aktiviti kitar semula, penjanaan sampah diharapkan dapat berkurang, kos pengurusan sampah juga dapat dikurangkan.

Sebelum mengakhiri ucapan pada pagi ini, saya ingin menyeru kepada semua pengunjung dan penduduk sekitar Taman Bandar Ampang Jajar untuk bersama-sama dengan MPSP menjaga kemudahan yang disediakan dan elakkan berlaku gejala vandalism. Jagalah taman ini bagaimana kita menjaga taman halaman rumah kita. Saya ingin mengucapkan terima kasih YB Tuan Law Choo Kiang, Pasukan LP Mountain Bike kerana kesudian untuk menjadikan Projek Naiktaraf Taman Bandar Ampang Jajar sebagai projek CSR dan dilaksanakan bersama MPSP dan juga kepada para penaja pada majlis pagi ini; Encik Eow Seik Fong, Cik Lynn Lee, Encik Walter Chooi, KT Cyclone , Encik Arnold Soon, Loyy Ng, Encik Foo Kok Leng, Encik Yeap Han Weng, Encik Sim Nai Li dan Eurasia Express Sdn.Bhd dan tidak lupa kepada Aisle Tan dari MyShape dan juga sokongan daripada PDRM.

Dengan itu, saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.

